

GARIS PANDUAN

SKIM GERAN
PENYELIDIKAN
BRIDGING /
BRIDGING-INSENTIF

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI
PEJABAT PENGURUSAN DAN KREATIVITI PENYELIDIKAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
<http://www.research.usm.my>

1.1 Pengenalan

Berdasarkan keadaan kewangan semasa, kadar penawaran untuk geran dalaman dan luaran sangat rendah/terhad dan menyebabkan kebanyakan penyelidik tidak mempunyai geran penyelidikan dan/atau mempunyai bilangan geran penyelidikan yang terhad.

Selaras dengan itu, universiti telah memperkenalkan Skim Geran Penyelidikan *Bridging/ Bridging-Insentif* bagi membantu penyelidik yang aktif dalam penyelidikan (dengan rekod prestasi yang baik) untuk meneruskan dan/atau menjalankan lebih banyak aktiviti penyelidikan.

1.2 Objektif

Skim Geran Penyelidikan *Bridging/ Bridging-Insentif* diperkenalkan untuk mencapai objektif dalam memberi sokongan khususnya kepada penyelidik yang tidak mempunyai geran penyelidikan dalaman yang aktif bagi meneruskan aktiviti penyelidikan.

1.3 Kriteria

Terdapat dua (2) kategori penawaran iaitu Geran Penyelidikan *Bridging* dan *Bridging-Insentif*; kriteria bagi tiap-tiap geran adalah seperti berikut:-

Geran <i>Bridging</i>	Geran <i>Bridging-Insentif</i>
Terbuka kepada semua staf akademik yang berstatus taraf rekod AKTIF sahaja dan TIDAK mempunyai geran dalaman aktif (Bridging, Bridging-Insentif, STG, RUI dan etc.) , pensyarah yang berstatus ASHES atau sedang dalam Cuti Sabatikal atau di bawah kategori tidak aktif yang lain tidak layak untuk memohon.	
Peruntukan maksimum bagi kategori ini ialah: i) RM25,000.00 untuk Kategori Bidang SAINS ii) RM10,000.00 untuk Kategori Bidang BUKAN SAINS.	Peruntukan maksimum bagi kategori ini ialah RM5,000.00.
Tempoh geran adalah satu (1) tahun. Maksimum lanjutan yang dibenarkan adalah enam (6) bulan sahaja.	Tempoh geran adalah satu (1) tahun dan tiada lanjutan dibenarkan.
Staf Akademik yang memohon perlulah mempunyai sekurang-kurangnya enam (6) penerbitan yang berindeks	-

WoS/Scopus dalam tempoh tiga tahun dari tahun 2016 sehingga 2018.	
Staf Akademik juga perlu aktif menyelia sekurang-kurangnya seorang pelajar sepenuh masa (Mod Penyelidikan) sebagai penyelia utama. Bagi pemohon yang mempunyai calon yang belum berdaftar, pelajar tersebut perlulah menunjukkan bukti berminat untuk mendaftar. Geran hanya akan diaktifkan selepas mendapat pengesahan/bukti pendaftaran pelajar tersebut.	-

Semua penyelidikan yang menggunakan subjek manusia dan haiwan perlu mendapatkan **kelulusan JEPeM dan JKPPH-USM** terlebih dahulu sebelum geran diaktifkan.

1.4 Peraturan Kewangan

Peruntukan dana adalah dalam **Vot Kawalan** dan hanya membenarkan **Vot** seperti dibawah:

Vot	Definisi	Catatan
Vot 11000 (Upah/Gaji dan Elaun GRA)	Upah/Gaji bagi Pegawai Penyelidik/ Pembantu Penyelidik dan elaun bagi Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) sahaja.	Pindaan Vot 11000 tidak dibenarkan kepada mana-mana Vot tetapi dibenarkan tambahan daripada Vot lain.
Vot 21000 (Perjalanan & Pengangkutan)	Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup.	1. Tidak melebihi 20% daripada jumlah keseluruhan peruntukan projek. (Geran Bridging sahaja) 2. Tidak membenarkan penyelidik untuk menghadiri persidangan, seminar, bengkel dan lawatan rasmi ke luar negara .
Vot 23000 (Perhubungan dan Utiliti)	Perbelanjaan bagi penggunaan telefon, faks, pos dan lain lagi yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.	
Vot 24000 (Sewaan)	Bagi peralatan, pengangkutan, bangunan dan barangan yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.	

Vot 27000 (Bekalan & Bahan Penyelidikan)	Bahan mentah dan bahan berkaitan penyelidikan sahaja.	
Vot 28000 (Penyelenggaraan dan Ubah Suai)	1. Perbelanjaan baik pulih & pengubahsuaian kecil bangunan, makmal, peralatan berkaitan penyelidikan 2. Penyelenggaraan peralatan sedia ada juga dibenarkan.	
Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)	Perkhidmatan seperti percetakan, honorarium, konsultasi, khidmat kepakaran, suntingan bahasa dll. Perkhidmatan khas seperti kos dan yuran persidangan, bengkel, bayaran penerbitan dll.	Pembayaran honorarium kepada Penyelidik Utama atau Penyelidik Bersama adalah tidak dibenarkan.
Vot 35000 (Harta Modal)	Harta modal lain.	Pembelian aset/ inventori dari Vot 35000 tidak dibenarkan.
Vot 52000 (Bayaran-bayaran lain)	Perbelanjaan lain seperti caj bank, pembaharuan lesen perisian dan cukai.	

1.5 Hasil Penyelidikan

Penerbitan

i) Projek disyaratkan untuk menghasilkan sekurang-kurangnya 1 penerbitan dalam

- Jurnal **Web of Science-(WoS)** bagi **Kategori Bidang SAINS**.

ATAU

- Jurnal **Web of Science-(WoS) / SCOPUS** bagi **Kategori Bidang BUKAN SAINS**.

ii) Serta mestilah merakamkan **penghargaan kepada Geran Penyelidikan *Bridging* atau *Bridging-Insentif* Universiti Sains Malaysia** beserta nombor akaun/rujukan geran dicatatkan pada *acknowledgement* penerbitan yang dihasilkan, penghargaan kepada geran Penyelidikan *Bridging* atau *Bridging-Insentif* **SAHAJA** dibenarkan.

Sekiranya tiada sebarang penghargaan dinyatakan maka ianya tidak akan diambil kira sebagai output geran tersebut. Nama Universiti juga perlu ditulis dengan penuh/lengkap iaitu 'Universiti Sains Malaysia'.

Laporan akhir

Penyelidik dikehendaki mengemukakan laporan akhir mengikut format yang telah disediakan.